

## **UCAPAN MAJLIS BICARA INSTITUSI TYT YANG DIPERTUA NEGERI SABAH, 28 NOV 2008**

Bismillahir Rahmannir Rahim  
Assalammualaikum wbt  
Dan salam sejahtera

Terimakasih saudara/saudari pengacara Majlis  
Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun  
Yang Berbahagia Datuk K.Y. Mustafa  
Yang Berbahagia Dr. Hajjah Samsiah Muhammad,  
Timbalan Ketua PEngarах Arkib Negara Malaysia

Yang Berbahagia Puan Roseline Mapong Sabai  
Pengarah Arkib Negara Cawangan Sabah

Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan atau wakil

Pegawai-Pegawai Utama dan Kanan UMS

Kakitangan UMS

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

**Terlebih dahulu izinkan saya menyampaikan salam Yang Berbahagia Kol. Prof Datuk Dr Kamaruzaman Hj Ampon, Naib Canselor UMS kepada para hadirin sekalian. Yang Berbahagia Datuk tidak dapat bersama-sama kita pada pagi ini atas komitmen tugas yang tidak dapat dielakkan. Walaubagaimana pun beliau amat menghargai undangan yang diberikan bagi merasmikan majlis ini. Sehubungan itu, beliau telah meminta**

**agar saya dapat hadir untuk menyampaikan ucapan beliau seperti berikut;**

1. Segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah swt kerana dengan izin-Nya juga maka majlis Bicara Sejarah Institusi Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Sabah dapat kita adakan pada pagi yang bersejarah ini.
  
2. Program ini tambah lebih menarik kerana ianya membariskan para ahli panel yang begitu arif untuk mengupas dan seterusnya membincarakan topik mengenai sejarah institusi TYT Negeri Sabah. Untuk itu terlebih dahulu, saya mengucapkan terimakasih tidak terhingga kepada Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun, Datuk KY Mustapha dan Prof Dr Sabihah Osman atas kesudian menjadi ahli panel dan seterusnya berkongsi ilmu dan pengetahuan dengan para hadirin sekalian.

3. Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun dan Yang Berbahagia Datuk K.Y Mustafa merupakan kalangan tokoh tersohor dan ternama yang juga merupakan mantan-mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah yang telah terlibat secara langsung dalam memartabat legasi TYT. Manakala Prof Dr Sabihab Osman pula adalah ahli akademik UMS yang memang sinonim dengan sejarah Negara dan Negeri Sabah.
4. Pada kesempatan ini, saya juga mengucapkan terimakasih kepada pihak pengajur utama iaitu Arkib Negara Cawangan Sabah dan Sekolah Sains Sosial UMS serta Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah dan jabatan serta agensi-agensi Persekutuan dan Negeri yang telah berusaha merealisasikan pengajuran majlis ini. "**Ibarat bunga yang sentiasa mekar di taman**" begitulah juga harapan kita sekalian, agar jalinan kerjasama - **ke arah membentuk masyarakat yang berilmu** - dapat sama-sama kita laksanakan.

Yang Berbahagia Tan Sri, Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Majlis wacana akademik seperti ini amat dialu-alukan selaras dengan matlamat Universiti Malaysia Sabah - **menjadikan UMS sebagai salah satu daripada pusat percambahan dan pengembangan ilmu yang aktif di rantau ini** -. Sesungguhnya tajuk yang akan dikupas pada pagi ini adalah sangat relevan dan penting diwacanakan demi memberi kefahaman yang jelas dan memupuk penghayatan yang meluas di kalangan semua lapisan masyarakat di negeri Sabah khasnya dan di Malaysia amnya.

6. "**Masa silam sejarah yang pasti, masa depan sejarah yang menanti.**" Sejarah tidak mungkin layu dan pudar dimamah usia. Sejarah tidak mungkin kelam hingga lenyap ditelan zaman." **DENGAN SYARAT**, masyarakat kita sentiasa disemarakkan dengan pembudayaan menghayati sejarah. **MENGENALI SEJARAH**, nescaya rakyat akan bertambah kukuh cinta dan setianya kepada nusa dan bangsa.

**MEMAHAMI SEJARAH INSTITUSI TYT** itu juga adalah suatu perkara berkaitan sejarah, yang penting, dan perlu mendapat pemahaman dan penghayatan yang tinggi.

7. Atas kesedaran inilah, maka UMS melalui Sekolah Sains dan Sosial komited dalam menjayakan program yang diinisiatifkan bersama dengan Arkib Negara cawangan Sabah. Bagi pihak UMS, maka sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada Arkib Negara Cawangan Sabah yang sudi memilih Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah untuk bekerjasama menganjurkan Majlis Bicara Sejarah TYT ini. Penghormatan yang diberikan amatlah kami hargai dan diharapkan kerjasama seumpama ini dapat terus dikembangkan di masa hadapan.
8. Permuafakatan yang terjalin dengan Arkib Negara cawangan Sabah dan Arkib Negeri Sabah amat signifikan dalam usaha kita

bersama meningkatkan penyelidikan dan penerbitan bahan-bahan sejarah terutama sekali bahan sejarah berkaitan negeri Sabah.

Yang Berbahagia Tan Sri, Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Untuk tidak membataskan waktu, maka akhir kata saya mengucapkan terimakasih khususnya kepada ahli-ahli panel YBhg Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun dan Datuk K.Y. Mustafa, serta Prof Dr Sabihah Osman. Sekalung tahniah kepada semua pihak yang mendukung kejayaan penganjuran majlis ini. Dan tidak dilupakan kepada semua para hadirin dan hadirat yang telah melengkapkan lagi kejayaan penganjuran majlis kita pada pagi ini.

10. Dengan lafaz Bismillahir Rahmannir Rahim, saya sebagai mewakili Yang Berbahagia Kol Prof Datuk Dr Kamaruzaman Hj Ampon, Naib Canselor UMS, dengan penuh rasa kesyukuran merasmikan majlis wacana akademik Bicara

Institusi Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Sabah pada pagi yang bersejarah ini.

Sekian wassallammualaikum wbt.